

Tema

3

Cahaya Perpaduan



Kertas 1

Bahagian A Sistem Bahasa

Soalan 1 – 2

Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang paling sesuai.

- 1 Pasukan bola sepak negara menunjukkan semangat _____ yang tinggi dalam perlawanan akhir yang diadakan semalam.
A perpaduan
B kesukanan
C keharmonian
D persahabatan
- 2 Masalah yang dihadapi oleh penduduk di kawasan perumahan itu dapat _____ dengan kerjasama penduduk.
A ditamatkan
B diselesaikan
C dimusnahkan
D ditangguhkan

Soalan 3

Ayat-ayat di bawah mungkin betul dan mungkin salah. Jika terdapat kesalahan, kesalahan itu telah ditandakan dengan A, B atau C dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan D.

- 3 Selain pengaruh rakan sebaya, kurangnya A didikan agama juga merupakan punca B berlakunya keruntuhan akhlak di kalangan C remaja masa ini. Tiada kesalahan. D

Soalan 4

Pilih ayat-ayat yang betul.

- 4 I Pisang kapas yang masak empuk itu sungguh sesuai dibuat kuih lepat.
II Keikhlasan pemuda yang berkaca mata itu tidak patut diragui oleh kita lagi.
III Perpaduan antara kaum sangat ditekankan oleh pemimpin untuk membangunkan ekonomi dan sosial rakyat di negara ini.
IV Puan Zuraidah memangkas pokok bunga di sekitar halaman rumahnya.
A I dan II sahaja
B II dan III sahaja
C III dan IV sahaja
D I, III dan IV sahaja

Soalan 5

Pilih peribahasa yang paling sesuai.

- 5 Permuafakatan yang terjalin antara penduduk kampung membolehkan segala perancangan dilaksanakan dengan jayanya. Peribahasa yang sesuai dengan situasi ini ialah
A ke gunung sama didaki, ke lurah sama dituruni.
B kalau tidak dipecahkan ruyung manakan dapat sagunya.
C cakap siang pandang-pandang, cakap malam dengar-dengar.
D bulat air kerana pembetung, bulat kata kerana muafakat.